



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA OKTOBER 2024

Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 2.1 peratus pada Oktober 2024, didorong oleh pertumbuhan stabil output sektor Pembuatan

PUTRAJAYA, 10 DISEMBER 2024 – Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 2.1 peratus tahun ke tahun pada Oktober 2024, didorong oleh pertumbuhan output yang stabil dalam sektor Pembuatan. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Oktober 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "IPP kekal merekodkan pertumbuhan positif pada Oktober 2024, walaupun pada kadar yang lebih perlahan 2.1 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 2.3 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini dipacu oleh sektor Pembuatan yang berkembang sebanyak 3.3 peratus, meningkat daripada 3.2 peratus pada September 2024 dan kenaikan 2.5 peratus dalam output Elektrik (September 2024: 3.9%). Namun begitu, pengeluaran sektor Perlombongan terus menurun 2.8 peratus berbanding pertumbuhan negatif 2.2 peratus pada bulan sebelumnya. Bagi terma bulan ke bulan, IPP meningkat 1.7 peratus daripada negatif 0.7 peratus pada September 2024."

Peningkatan dalam output sektor Pembuatan pada Oktober 2024 disokong oleh industri berorientasikan domestik yang berkembang sebanyak 3.3 peratus (September 2024: 2.7%). Kenaikan ini didorong terutamanya oleh Pembuatan produk

logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan yang mencatatkan peningkatan sebanyak 6.5 peratus; diikuti oleh Pembuatan produk prosesan makanan iaitu 4.5 peratus; dan Pembuatan produk galian bukan logam lain sebanyak 5.2 peratus. Berbanding dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik menurun kepada negatif 0.9 peratus berbanding peningkatan 0.1 peratus pada bulan sebelumnya.

Sementara itu, pertumbuhan industri berorientasikan eksport kekal kukuh pada kadar 3.3 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 3.4 peratus pada September 2024. Prestasi stabil ini disokong terutamanya oleh pertumbuhan dua digit iaitu 12.7 peratus dalam Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan; dan diikuti oleh Pembuatan produk getah pada kadar 10.9 peratus. Selain itu, Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal terus menunjukkan momentum positif dengan pertumbuhan sebanyak 2.9 peratus. Pertumbuhan tahun ke tahun industri berorientasikan eksport dicerminkan oleh prestasi eksport barangan perkilangan negara yang meningkat sebanyak 3.1 peratus pada Oktober 2024. Bagi terma bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport menurun sebanyak 1.4 peratus daripada pertumbuhan negatif 1.6 peratus pada September 2024.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Penyusutan 2.8 peratus dalam sektor Perlombongan pada Oktober 2024 adalah disebabkan oleh penurunan berterusan dalam pengeluaran Minyak Mentah & Kondensat sebanyak negatif 7.5 peratus (September 2024: -11.4%) dan pertumbuhan perlahan kepada marginal 0.4 peratus dalam output Gas Asli (September 2024: 4.5%). Sebaliknya, indeks Perlombongan melonjak 14.7 peratus bulan ke bulan, berbanding pertumbuhan 2.8 peratus pada bulan sebelumnya. Sementara itu, penjanaan Elektrik bertumbuh 2.5 peratus tahun ke tahun pada Oktober 2024 selepas mencatatkan peningkatan 3.9 peratus pada September 2024. Perbandingan dengan bulan sebelumnya, indeks Elektrik memulih 4.2 peratus berbanding negatif 3.9 peratus pada September 2024."


Di peringkat global, IPP bagi beberapa negara bertumbuh sederhana termasuk China, Singapura, Vietnam dan Taiwan sementara, Korea Selatan dan Jepun kembali kepada jajaran positif pada Oktober 2024. Sebaliknya, Amerika Syarikat dan Thailand mengalami penurunan marginal pada Oktober 2024.

Merumuskan kenyataan beliau, Ketua Perangkawan berkata, “Bagi tempoh sepuluh bulan pertama tahun ini (Januari – Oktober 2024), IPP bertumbuh lebih baik kepada 3.7 peratus (Januari – Oktober 2023: 0.8%) dengan kesemua sektor mencatatkan peningkatan, iaitu indeks Perlombongan (0.9%); indeks Pembuatan (4.2%); dan indeks Elektrik (6.0%).”


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia, Oktober 2023 - Oktober 2024




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
Oktober 2023 - Oktober 2024**




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
September 2024 dan Oktober 2024**



Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Oktober 2023 - Oktober 2024




Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, September 2024 dan Oktober 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 10 Disember 2024

Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, September 2024 dan Oktober 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 DISEMBER 2024

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION, MALAYSIA OCTOBER 2024

**The Industrial Production Index rose by 2.1 per cent in October 2024,
spurred by steady output growth in the Manufacturing sector**

PUTRAJAYA, 10TH DECEMBER 2024 – The Industrial Production Index rose by 2.1 per cent year-on-year in October 2024, spurred by steady output growth in the Manufacturing sector. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, October 2024**. The publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “The IPI maintained positive growth in October 2024, albeit at a slower rate of 2.1 per cent after registering 2.3 per cent growth in the preceding month. The increase was spearheaded by the Manufacturing sector which expanded by 3.3 per cent, up from 3.2 per cent in September 2024 and a 2.5 per cent rise in Electricity output (September 2024: 3.9%). However, the production in the Mining sector decreased further by 2.8 per cent as against negative growth of 2.2 per cent in the previous month. In terms of month-on-month, the IPI increased 1.7 per cent from negative 0.7 per cent in September 2024.”

The rise in the Manufacturing output in October 2024 was supported by the domestic-oriented industries, which expanded by 3.3 per cent (September 2024: 2.7%).

This upturn was primarily led by the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment, which registered an increase of 6.5 per cent; followed by the Manufacture of food processing products at 4.5 per cent; and the Manufacture of other non-metallic mineral products at 5.2 per cent. In comparison with the preceding month, the domestic-oriented industries turned downward to the negative 0.9 per cent as opposed to the increase of 0.1 per cent in the previous month.

In the meantime, the growth of export-oriented industries remained sound at 3.3 per cent after marking a positive growth of 3.4 per cent in September 2024. The steady performance was anchored mainly by a double-digit growth of 12.7 per cent in the Manufacture of vegetable & animal oils & fats; and followed by Manufacture of rubber products at 10.9 per cent. In addition, the Manufacture of computer, electronics & optical products continued positive momentum, with a growth of 2.9 per cent. The year-on-year expansion of export-oriented industries reflects the performance of the country's export of manufactured goods, which increased by 3.1 per cent in October 2024. In terms of month-on-month, the export-oriented industries fell 1.4 per cent from negative 1.6 per cent growth in September 2024.

Elaborating further, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The contraction of 2.8 per cent in the Mining sector in October 2024 was due to a continuous decline in Crude Oil & Condensate production at negative 7.5 per cent (September 2024: -11.4%) and slowed down to a marginal growth of 0.4 per cent in the Natural Gas output (September 2024: 4.5%). Conversely, the Mining index ascended by 14.7 per cent month-on-month, compared to 2.8 per cent in the preceding month. Meanwhile, the generation of Electricity grew by 2.5 per cent year-on-year in October 2024 after registering an increase of 3.9 per cent in September 2024. In comparison with the preceding month, the Electricity index rebounded to 4.2 per cent as against the negative 3.9 per cent in September 2024."

On a global scale, the IPI for several countries grew modestly including China, Singapore, Vietnam, and Taiwan while, South Korea and Japan returned to positive territories in


October 2024. Conversely, the United States and Thailand experienced a marginal decline in October 2024.

Concluding his statement, the Chief Statistician said, “For the first ten months this year (January – October 2024), the IPI improved to 3.7 per cent (January - October 2023: 0.8%), with all sectors posting increases, namely the Mining index (0.9%); Manufacturing index (4.2%); and Electricity index (6.0%).”


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia, October 2023 – October 2024



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
October 2023 – October 2024**



**Chart 3: Manufacturing Index Growth by Sub-sector, Malaysia,
September 2024 and October 2024**




Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, October 2023 – October 2024




Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia, September 2024 and October 2024





Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia, September 2024 and October 2024



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10th DECEMBER 2024**